



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

UNIKL Cipta Sejarah Universiti Pertama di Asia Tenggara Jalin Kolaborasi Bersama Badan Perlesenan Antarabangsa dalam Bidang Sistem Kawalan Isyarat Pengangkutan Rel

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (76)

LONDON, 15 Jun -- Universiti Kuala Lumpur, UniKL, mencipta sejarah bidang pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional, TVET, apabila menjadi universiti pertama di Asia Tenggara menjalin kerjasama dengan Badan Perlesenan antarabangsa berkaitan sistem kawalan isyarat pengangkutan rel.

Pencapaian itu menerusi kolaborasi bersama Institute of Railway Signal Engineers United Kingdom, IRSE, yang ditubuhkan lebih 100 tahun lalu.

Menurut Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, satu perjanjian khusus akan dimeterai dengan IRSE bagi membolehkan UniKL menawarkan kursus diperingkat Diploma Lanjutan dan Sijil Kompetensi yang diiktiraf diseluruh dunia.

"Selepas ini pihak MARA akan ada kesinambungan dengan UniKL untuk membolehkan akhirnya kita dapat satu persetujuan diantara UniKL dan IRSE dan salah satu yang saya nampak adalah pembangunan tenaga pakar dan profesional dalam bidang rel.

Keduanya ada kolaborasi dari segi keahlian untuk Malaysia dan barangkali kita boleh menjadi Pusat Penilaian dan wakil IRSE di rantau Asia Tenggara," katanya dalam satu kenyataan kepada media hari ini.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

15 Jun 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)